

adalah merupakan perkhidmatan sementara yang menjadi pemangkin kepada penggunaan jalur lebar oleh rakyat terutamanya masyarakat luarbandar serta pemasangannya mudah serta cepat.

Sekiranya kawasan tersebut telah dilengkapi oleh perkhidmatan jalur lebar yang lebih baik oleh pemberi perkhidmatan komersial maka perkhidmatan Wifi oleh KTW1M akan ditamatkan.

Sehingga kini kerajaan telah membelanjakan sebanyak RM 550 juta bermula semenjak tahun 2011 bagi melaksanakan program KTW1M termasuk kos operasi selama 3 tahun.